

11/08/1997

Program bersihkan Stulang Laut

BERSAMA ... teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kebersihan mendorong kira-kira 600 peserta menyertai program gotong-royong membersihkan pantai Stulang Laut, dekat sini, semalam.

Program itu diketuai Ahli Parlimen Johor Bahru, Mohamad Khaled Nordin dan Ahli Dewan Undangan Negeri Stulang, Freddie Long Hoo Hin.

Ia turut dibantu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Umno, MCA dan MIC bahagian Johor Bahru, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Sekolah Menengah Fonn Yew dan Kelana Megah Sdn Bhd.

Gotong-royong dilakukan sepanjang pantai berkenaan sejauh kira-kira dua kilometer dan kawasan sekitarnya.

Stulang Laut berdekatan Tambak Johor menjadi tumpuan apabila Kompleks Bebas Cukai dibuka kepada umum pada 1 Ogos lalu.

(END)